

Pas mula guna isu gugur 'Islam': PM

ALOR STAR, Jumaat – Perdana Menteri mendedahkan Pas kini menggunakan isu kononnya kerajaan memintanya meninggalkan perjuangan Islam, semata-mata mahu memancing undi daripada rakyat terutama di luar bandar.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ini terbukti berdasarkan poster ceramah parti itu yang menulis tajuk 'Buang Islam' di atas gambar pemimpinnya termasuk Fadzil Noor dan Mohamad Sabu.

Bagaimanapun, beliau sudah menjangka dan memberi amaran mengenai perbuatan Pas itu ketika berucap di Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Saya buat ucapan dalam (perhimpunan agung) Umno baru-baru ini, saya kata kalau kita

minta Pas gugurkan perkataan Islam daripada namanya, dia nanti cerita kepada orang kampung bahawa kita suruh dia gugurkan Islam... itu dia nanti buat.

"Hari ini memang (Pas berbuat demikian). Kalau kita tengok poster gambar Fadzil Noor dan Mohamad Sabu, dia tulis di atas (poster), 'Buang Islam'," katanya ketika melancarkan Kempen Pengisian Wawasan di Pusat Khidmat Peladang Mada, Guar Cempedak, 35 kilometer dari sini, hari ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid serta ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri Kedah dan Perlis.

Presiden Umno ber-

kata, Umno tidak pernah meminta Pas membuang Islam tetapi parti itu sengaja membohongi penduduk di kampung kononnya kerajaan mahukannya berbuat demikian kerana itu adalah cara perjuangannya.

Beliau berkata, golongan seperti ahli Pas sebelum ini juga menghalang usaha kerajaan memperkenalkan sistem penanaman padi dua kali setahun, selain cuba menggagalkan projek pengairan Mada.

Beliau menasihatkan rakyat jangan mempercayai kata-kata pemimpin Pas serta terpengaruh dengan pujukan dan kempen mereka.

"Masa mula dulu kita nak buat pengairan Muda, ada orang yang datang mengata kerajaan tidak guna kerana suruh orang tanam padi setahun sampai dua kali sam-

pai tidak kering hujung kain.

"Tetapi hari ini, orang yang cakap itulah juga datang meminta air daripada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, pemimpin Pas sebenarnya hanya mahu memancing undi daripada penduduk kampung sehingga sanggup berbohong dan menuduh kerajaan sebagai kafir.

"Sebenarnya dia tahu apa yang dia cakap itu bohong... bohong betul-betul, cuma nak pancing undi. Kalau tidak ada pilihan raya, dia pun tidak cakap macam itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, Umno tidak mengaitkan perjuangannya dengan al-Quran kerana Umno adalah parti politik walaupun parti itu juga boleh membuat dakwaan seperti yang dibuat oleh Pas.